

BAB IV

ANALISIS EKSPOSISI MAKNA TEKS AL-QUR'AN DALAM KITAB TAFSIR AL-QUR'AN NIK ABDUL AZIZ NIK MAT

A. Penyajian Data

Di bagian penyajian data ini, penulis akan mengumpulkan keseluruhan makna ayat Al-Qur'an yang berbentuk kiasan yang ada di dalam buku Tafsir Al-Qur'an Nik Abdul Aziz Nik Mat “*Surah Al-Ghâsyiyah, Al-A`lâ* dan *Al-Thâriq*”. Walaupun buku ini menafsirkan 3 surah ini, tetapi terdapat juga ayat-ayat Al-Qur'an yang lain yang dikaitkan dalam penafsiran 3 surah itu karena di antara metode tafsir yang dipakai Tuan Guru adalah metode *Tafsir bi al-Ma'tsûr* yaitu menafsirkan Al-Qur'an dengan Al-Qur'an.

Adapun ayat-ayat Al-Qur'an yang ditafsirkan dengan kiasan adalah seperti berikut:

1. Mukaddimah *Surah Al-Ghâsyiyah* I

Tuan Guru memula pengajian tafsir *Surah Al-Ghâsyiyah* beliau dengan memberi mukaddimah tentang peristiwa Isra' Mikraj, ketika beliau membacakan ayat 1 dari Surah Al-Isra:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا
حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

“Mahasuci (Allah), yang telah memperjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjidilharam ke Masjidil Aqsa yang telah Kami berkahi sekelilingnya agar Kami perlihatkan kepadanya sebagian tanda-tanda (kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar, Maha Melihat.”

Tafsir Ayat dan Penjelasan Makna

Tuan Guru menafsirkan di mukaddimah ini dengan menyatakan:

Apabila Nabi Muhammad SAW. sampai di sana (ketika Isra' Mikraj); Nabi SAW. melihat syurga, neraka dan baginda bertanya kepada Jibril A.S yang menjadi pemandunya. "Karena apa orang ini masuk syurga? Karena apa orang ini masuk neraka?". Segala kasus dan 'fail-fail' mereka, Jibril A.S sampaikan pada Nabi SAW. "Orang ini masuk neraka karena begini dan begini. Orang ini pula masuk syurga karena begini dan begini". Kita kena yakin bahwa perkara ini berlaku. Dan tidak ada sesiapa boleh mengetepikan dan menafikannya karena keseluruhan dunia ini bukan kita yang cipta. Ketika kita datang di dunia ini pun, hal itu sudah ada.¹

Kita hanya datang duduk tercongok di atas dunia. Sama ada pagi ini, pagi esok atau kelmarin; kalau ada umur lagi, kita hanya datang duduk di atas 'barang' yang sudah siap dibuat oleh Allah SWT. Bukan dibuat oleh kita, orang tua kita, perusahaan atau kerajaan kita, tidak! Dia (Allah) yang buat. Kewajiban kita adalah untuk menyesuaikan diri dengan apa yang dikehendaki oleh Tuan punya dunia ini.²

Nabi kita Muhammad SAW. pergi naik Isra' Mikraj, kira-kira setahun sebelum hijrah. Sesetengah penulis sebut bahwa Nabi Muhammad naik ke langit lebih kurang setahun sebelum Nabi kita berhijrah ke Madinah. Ertinya, selama 12 tahun Nabi kita duduk di Mekah dan dipenuhi dengan bermacam-macam dugaan, tuduhan, fitnah, halangan dan penindasan. Selama 12 tahun Nabi kita sarat memikul, terbongkok belakang memikul peristiwa yang begitu penting sekali.³

Adakah tidak munasabah dan tidak menjadi hikmah Allah Taala memberikan *Tasliyah* iaitu hiburan kepada Nabi-Nya Muhammad SAW. sebagai meringankan bebanan dan untuk menyelesaikan masalah? "Marilah Muhammad datang berjumpa dengan Aku di langit. Aku kirimkan budak Aku bernama Jibrail dan Aku beri sebuah kereta kepada kamu namanya Buraq. Kamu datanglah."⁴

Kiasan yang digunakan oleh Tuan Guru dalam ayat ini adalah:

Sebagaimana kita naik kapal terbang. Kita naik atas kapal terbang yang orang sudah buat siap. Apabila orang kata, "Barang kena letak di sini mak cik, tiket kena letak sini, beg-beg kena letak di sini." Maka kita sebagai penumpang hanya menurut sahaja.⁵

Di atas dunia ini kita hanyalah penumpang (*passenger*). Allah SWT. nak letakkan kita di sini; 'Hah, buatnya begini; makan begini, minum begini,

¹Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat: Surah Al-Ghasyiyah, Al-A'la dan Al-Tariq* (Selangor: Alim Rabbani Media Sdn Bhd, 2003), 12.

²Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 12.

³Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 13.

⁴Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 14.

⁵Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 12.

sembahyang begini, nikah kahwin begini, berperang begini, berdamai begini, bercerai begini, *berkatok* (berkelahi) begini, bersumpah begini. Kerana apa? Kerana kamu ini hanyalah penumpang'. Allah SWT. kata; 'Aku sebagai Tuan punya bumi, Aku hendak kamu buat begini. Kalau kamu turut dengan betul, Aku akan bubuh di dalam syurga di akhirat kelak. Kalau kamu tidak turut, Aku bakar kamu dengan api neraka'. Itu bendanya.⁶

Di samping kita ingat bahwa Nabi pernah naik ke langit, kita juga kena ingat; apakah hikmah Allah SWT. bawa Nabi kita naik ke langit? Naik ke langit ini merupakan hadiah yang paling mulia dan paling berseni kita panggil. Kalau orang ajak kita, dia kata; "Weh, *demo* (kamu) banyak budi dengan *kawe* (saya). *Mari* (jom) kita pergi ke Terengganu, ke Mekah atau kita ke Kuala Lumpur. *Kawe* belanja tiket *demo*. *Kawe* beri tiket kepada *demo*, *kawe* jamu dan *kawe* letak *demo* di hotel." Sukanya kita boleh kenal Kuala Lumpur, boleh kenal Mekah dan boleh kenal Eropah.⁷

Kalau kena kepada kita serupa tadi, *saing* (kawan) kita kata; "Mari kita pergi ke Kuala Lumpur." Menyebabkan kita berasa segar. "*Kawe* bawa *demo* pergi ke tempat air terjun, tempat lumba kereta, lumba kuda atau sebagainya." Kita pergi selama sebulan atau seminggu, menyebabkan kita segar dan banyak pengalaman Mengikuti ahli-ahli sejarah, Nabi kita Muhammad SAW. dibawa naik ke langit ialah untuk *tasliyah* iaitu menghiburkan hati Nabi setelah bebanan yang ditimpakan oleh golongan *kuffar* dan *munafikin* yang begitu sekali teruk.⁸

2. Mukaddimah Surah Al-Ghâsyiyah II

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا إِلَىٰ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَإِلَى الرَّسُولِ قَالُوا حَسْبُنَا مَا وَجَدْنَا عَلَيْهِ آبَاءَنَا
أُولَٰئِكَ كَانُوا لآبَائِهِمْ لَا يَعْلَمُونَ شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ

"Dan apabila dikatakan kepada mereka, "Marilah (mengikuti) apa yang diturunkan Allah dan (mengikuti) Rasul." Mereka menjawab, "Cukuplah bagi kami apa yang kami dapati nenek moyang kami (mengerjakannya)." Apakah (mereka akan mengikuti) juga nenek moyang mereka walaupun nenek moyang mereka itu tidak mengetahui apa-apa dan tidak (pula) mendapat petunjuk?"

Tafsir Ayat dan Penjelasan Makna

Tuan Guru Nik Abdul Aziz memberi penafsiran ayat di atas dengan mengatakan:

⁶Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 12.

⁷Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 12.

⁸Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 14.

Persoalannya, adakah sekarang kita mengaku benda yang kita buat ini benda yang betul belaka? Apa yang kita buat sekarang ada yang betul dan ada yang salah. Apabila sampai kepada cicit kita esok dalam 50 atau 70 tahun lagi. Dia kata, “Datuk nenek *kawe* (saya) yang bernama Nik Aziz, Mamat, Timah, Mariam dan lain- lain pakat buat.” Sedangkan kita sekarang reti bahawa ada benda yang kita buat ini betul dan ada yang tidak betul.⁹

Di ayat ini, Tuan Guru membuat kiasan seperti berikut:

Satu daripada benda tidak betul yang *ambo* sebut selalu ialah bersanding. Apabila berkahwin, seseorang itu bersanding. Nabi tidak ajar dan orang Melayu pun tidak ajar adat begini. Ini ajaran daripada Hindu. Dengan sebab datuk nenek kita zaman dahulu beragama dan berbudaya Hindu, maka terlekat perkara itu. Serupa sampah-sarap dihanyutkan air yang datang dari hulu, terlekat. Terlekat *ghebo* (ranting kayu) di dalam sungai. Ranting-ranting yang terlekat di tengah jalan ini tidak sempat Islam hendak *kokok* (buang) sekali dengan perkara-perkara lain.¹⁰

Hendak berkahwin, kahwinlah. 'Tetapi tidak usah bersanding kerana bersanding ini ertinya kita memakai pakaian cantik-cantik dan kita letak tegak di depan orang. Pakat *tudung blako!* (tengok semua). Islam ajar supaya kita menutup aurat sedangkan bersanding ini kena buka aurat. Anak tok guru, anak tok imam, anak tok ayah, anak tok haji zaman dahulu; pakat bersanding. Tetapi sekarang semakin berkurangan, *Alhamdulillah*. Begitu juga banyak lagi perkara-perkara lain yang kita buat bercanggah dengan Islam.¹¹

Tabur bertih atau beras kunyit. Beras ini siapa dia yang buat? Hendak dapatkan sebutir beras ini, Allah SWT. kerah tenaga langit dan bumi. ‘Wahai langit! Bawa turun hujan. Wahai langit! Bawa turun angin. Wahai langit! Bawa turun air embun. Wahai bumi! Bawa keluar kesuburan kamu; baja kamu.’ Barulah pohon padi ini berkembang. Bahagian di sebelah bawah mengeluarkan akar mencari baja di sana sini. Yang di sebelah atas pula mengeluarkan daun, mencari udara untuk mendapatkan udara dan lain-lain. Barulah ia boleh berbunga. Selepas itu keluarlah sebutir beras.¹²

Tetapi dapat beras, kita menabur-naburkannya atas alasan budaya. Budaya itu betul atau tidak? Butir beras ini nikmat Tuhan. Imam Ghazali kata, “Hendak dapat makan nasi sebutir, kamu terpaksa mengerahkan berapa ribu orang untuk dapatkan nasi sebutir?” Kena cari tukang periuk, tukang api, kayu api dan orang yang buat garam. *Begheke* (bersambung) pula dengan orang yang tanam lada, bawang, lengkuas, kunyit dan rempah-ratus. Hendak sebutnya, berapa ramai manusia yang perlu bekerjasama untuk membolehkan kita dapat sesuap nasi? Selepas itu pula kena cari ikan di tengah laut. Hendak pergi ke laut kena ada kapal, perahu dan pukot. Pukot dibuat di Jepun, perahu dibuat di Kuala Terengganu, garam pula dibuat di Pattani dan lain-lain. Hendak dapatkan nasi

⁹Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 21.

¹⁰Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 22.

¹¹Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 22.

¹²Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 22.

semulut itu kena ada tenaga langit, tenaga bumi dan tenaga manusia. Tiba-tiba dapat beras, kita menabur-naburkannya! Senang sahaja. Cuba kita fikir, di akhirat hendak jawab bagaimana?¹³

“Mengapa kamu tabur beras, Mamat?”

“Haih Tuhan, saya tabur beras kunyit.”

“Mengapa beras kunyit?”

“Eh, datuk nenek saya kata begitu.”

Lepaskah kita dengan jawapan sebegitu? Lepaskah kita dengan alasan datuk nenek? Di dalam Islam kita diajar supaya landasan kita hanyalah Allah dan Rasul. Apa sahaja yang Allah kehendaki, kita boleh bersandarkannya. Apa sahaja yang Nabi kita kehendaki, kita boleh bersandarkannya. Datuk nenek? Datuk nenek tidak dikira. Kalau datuk nenek itu betul, kita boleh bersandar kepadanya kerana selaras dengan Nabi Muhammad. Kalau datuk nenek salah? Kita berhenti setakat itu. Kita jangan sambung lagi kerja-kerja yang salah.¹⁴

3. Tafsir Surah Al-Ghâsyiyah 1-7 (Q.S. Al-Ghâsyiyah: 1)

هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ الْعَاشِيَةِ

“Sudahkah sampai kepadamu berita tentang (hari Kiamat)?”

Tafsir Ayat dan Penjelasan Makna

Di ayat pertama *Surah Al-Ghâsyiyah* ini, Tuan Guru menafsirkan:

Allah SWT. hendak benar manusia tertarik dengan ajaran Kiamat kerana Kiamat ini perkara yang lambat lagi berlaku agaknya. Dengan sebab Tuhan hendak sangat manusia ini ingat kepada hari Kiamat, maka Dia bubuh banyak nama. Ada nama *Al-Qiyamah*, *Yaumu Al-Din*, *Al-Ghâsyiyah*, *Al-Sokhkhah* dan *Al-Thommah*. Macam-macam nama yang dibubuh Allah SWT. supaya manusia ini tertarik dengan Kiamat.¹⁵

Sejak Allah SWT. tugaskan kita sebagai pendakwah, maka menjadi kewajipan kita berusaha mencari jalan supaya orang teringat kepada Kiamat. Kerana Kiamat ini perkara yang manusia tidak boleh lari. Raja di istana, rakyat di bangsal atau tauke yang duduk di dalam gedung dia; semua tidak boleh lari. Amerika atau George W. Bush¹⁶ pun sudah tidak menjadi apa-apa lagi. Apalagi

¹³Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 22.

¹⁴Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 23.

¹⁵Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 31.

¹⁶George W. Bush merupakan Presiden Amerika Syarikat yang ke-43.

berdepan dengan Kiamat, George W. Bush masuk neraka dan kita yang jahat pun akan masuk neraka. Tidak kira siapa!¹⁷

Bentuk kiasan yang digunakan oleh Tuan Guru adalah:

Serupa kita di bandar Kota Bharu ini, kalau akhir-akhir tahun begini hendak menjual barang lelong; “Kamu bawa keluar poster, aku bawa keluar kain sepanduk.” Tertulis iklan; Jualan Hebat! Jualan Murah! Jualan Harga Kilang! Jualan yang tidak ada tolok banding! Macam-macam jenis perkataan digunakan yang kesemuanya bertujuan hendak tarik perhatian pembeli.¹⁸

Orang hendak jual biskut, dia bubuh poster nama barangnya di beg. Dia siarkan iklan di dalam surat khabar dan TV. Beg plastik yang kita bibik (bawa), dituliskan di luarnya; ‘Biskut Aku’ dengan nombor sekian-sekian kerana dia hendak mempopularkan jualanannya. Jadi sebagaimana orang yang menjual biskut dan ubi kayu pun hendak mempopularkan jualanannya, maka Islam ini lebih mustahak di popularkan. Parti? Parti Islam. Politik? Politik Islam. Ekonomi? Ekonomi Islam. Rumah tangga? Rumah tangga Islam. Anak? Anak Islam. Suami? Suami Islam. Istri? Isteri Islam. Popularkan Islam ini supaya orang sedar bahawa kita tidak boleh bergerak kalau tidak melalui Islam.¹⁹

Begitu juga Allah SWT. sebut, Kiamat ini mesti dipopularkan. Dengan cara membanyakkan nama dia. Ada *Al-Ghâsyiyah*, *Al-Thomamah*, *Al-Waqi’ah*, *Al-Sokhkhah* dan *Yaumu Al-Din*.²⁰

4. Tafsir Surah Al-Ghâsyiyah 1-7 (Q.S. Al-Ghâsyiyah: 4)

تَصَلَّى نَارًا حَامِيَّةً

“mereka memasuki api yang sangat panas (neraka),”

Tafsir Ayat dan Penjelasan Makna

Di ayat ini, Tuan Guru mengubah kalimat terjemahan ayat di atas dengan mengatakan:

“Dia kena salai.” Kalimah *tashla* ini *ambo* (saya) bubuh maknanya salai. Masuk ke dalam api, caranya lain dan salai, caranya lain. Salai ini jenis api di bahagian bawah manakala orang duduk di bahagian atas. Orang ini akan *gelepar* (gelupur) habis-habisan pagi petang, siang malam; *gelepar sokmo* (sentiasa).²¹

‘Di akhirat kelak Aku akan salai manusia. Sebanyak mana pun yang buat jahat di atas dunia ini; buat *krenak* (jahat) kepada orang, buat jahat kepada suami, buat

¹⁷Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 33.

¹⁸Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 32.

¹⁹Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 33.

²⁰Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 33.

²¹Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 35.

jahat kepada isteri, buat jahat kepada agama dan sebagainya. Aku akan salai dia supaya menggelepar siang malam, pagi petang.’ Api berada di bahagian bawah manakala dia duduk di bahagian atas. Dia hendak buat bagaimana? Itu cara hendak suruh manusia naik gerun. Habis ikhtiarlah maknanya. Kalau setara itupun tidak gerun juga dan masih buat maksiat, itu sudah habis ikhtiarlah.²²

Ketika memberi penjelasan terkait tafsir di atas, Tuan Guru memberikan kiasan dengan menyebut:

Serupa cerita tiga empat ratus tahun dahulu. Raja-raja Siam zaman dahulu, apabila ada orang Melayu yang menderhaka maka dia akan ditangkap. Seseengahnya itu dikerat *tekok* (leher) dan dibunuh. Seseengahnya pula dibunuh di dalam *gok* (kandang), selepas itu dibunuh sekerap getah di bahagian atas lalu dicucuh api. Sekerap itu menyala dan getahnya menitik kena pada orang yang duduk di bawah; *tuk, tak, tuk, tak*.²³ Mengaduh sejak pagi sampai ke petang, sejak petang sampai ke pagi. Ini satu cara manusia itu diseksa.²⁴

5. Tafsir Surah Al-Ghâsyiyah 17-26 (Q.S. Al-Ghâsyiyah: 21)

فَذَكِّرْ إِنَّمَا أَنْتَ مُذَكِّرٌ

“Maka berilah peringatan, karena sesungguhnya engkau (Muhammad) hanyalah pemberi peringatan.”

Tafsir Ayat dan Penjelasan Makna

Apabila menafsirkan ayat di atas, Tuan Guru memuji negeri Kelantan, dengan mengatakan:

Alhamdulillah, kita di Kelantan ini bebas memberi ilmu kepada orang asalkan ilmu itu merupakan tazkirah *ilallahi* Subhanahu wa SWT. Politik Islam pun tidak mengapa sebut di atas masjid. Supaya apa? Supaya orang ingat kepada Islam. Baca Al-Qur’an, *ngatik* (berzikir) atau apa sahaja gerak-geri aktiviti yang boleh membawa orang ingat kepada Allah, kita dibebaskan. Tidak sebagaimana di negeri-negeri lain.²⁵

Negeri lain sekarang; Allah, seksanya. Hendak tazkirah di atas masjid pun payah dan tazkirah di luar pun payah juga. Hendak suruh orang jadi jahil belaka. Apabila semua orang jahil, mudah untuk dicucuk hidung. Jika orang pandai,

²²Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat, 36.

²³tuk, tak, tuk, tak ialah ekspresi dalam menggambarkan keadaan sekerap getah yang mencair apabila dibakar.

²⁴Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat, 36.

²⁵Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat, 57.

tidak boleh dicucuk hidung. Ini yang menyebabkan sesetengah orang tidak suka benar dengan tazkirah. Tazkirah tidak boleh beri, ceramah lebih payahlah lagi. Takut orang akan ingat kepada Allah. Apabila ingat kepada Allah akan menyebabkan orang ingat kepada dosa pahala, syurga neraka, taat maksiat, malaikat, iblis dan sebagainya. Maka akan susahlah sedikit, payah hendak menjual.²⁶

Di ayat ini, Tuan Guru menambahkan bentuk kiasan dalam penafsiran beliau, dengan menyatakan:

Kalau gigi kita rosak dan sakit, sepatutnya kita pergi jumpa doktor gigi. Ini tidak, kita pergi jumpa tukang rumah. Tukang rumah ada ragam juga. Kalau dia cabut gigi kita serupa cabut paku, dapat penyakitlah. Kerana apa? Kerana cara cabut gigi lain, manakala cara cabut paku lain. Sebab itulah ada *ikhtisas* (pengkhususan) Dengan sebab itulah hendak mengubat manusia, mustahil berubat melalui Nasionalis, Komunis atau Demokrasi. Ini perkara mustahil! Hanya akan memunahkan orang; semakin punah dan semakin punah. Caranya ialah melalui Islam.²⁷

6. Tafsir Surah Al-A`lâ 9-19 (Q.S. Al-A`lâ : 10)

سَيَذَكَّرُ مَنْ يَخْشَى ۝

“orang yang takut (kepada Allah) akan mendapat pelajaran,”

Tafsir Ayat dan Penjelasan Makna

Ayat di atas, Tuan Guru memberikan penafsiran seperti berikut:

‘Tazkirah dan peringatan kamu ini akan memberi manfaat kepada orang yang ada benih gerun kepada Allah Taala’. Orang yang di dalam hatinya ada perasaan gerun dan takut kepada Tuhan, maka orang ini mudah benar untuk menerima tazkirah. Tetapi kepada orang yang tidak takut kepada Tuhan, sebaliknya hanya takut kepada kerugian perniagaan, takut tidak dinaikkan gaji, takut pohon durian tidak berbunga pada tahun ini, takut disaman polis, takut barang tidak laku. Boleh jadi payah untuk mereka menerima tazkirah.²⁸

Kalau naluri takut yang ada pada kita ini tertumpu kepada benda yang tidak sepatutnya kita tumpu dan bukan menjadi *aula* (keutamaan), bahkan kita tumpu kepada perkara-perkara kecil. Maka sama ada orang memberi tazkirah atau Allah

²⁶Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 57.

²⁷Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 61.

²⁸Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 112.

SWT. sendiri yang memberi tazkirah melalui Al-Qur'an, hal itu tidak akan berguna. Kerana apa? Kerana tidak ada tapak untuk tazkirah itu mendarat.²⁹

Sebab itulah tazkirah perlu diberikan tetapi kamu jangan fikir bahawa semua tazkirah yang kamu beri itu dapat diterima oleh manusia. Manusia yang terima tazkirah kamu hanya, hanya, *man yakhsya*-orang yang reti gerun kepada Allah. Ertinya apa? Ertinya, menjadi kewajipan kita sebagai *muzakkir* iaitu orang yang memberi tazkirah supaya berusaha agar orang takut kepada Tuhan. Tazkirah jatuh nombor dua. Nombor satu, kita mesti beritahu kepada masyarakat mengenai Tuhan supaya manusia naik gerun.³⁰

Untuk menjelaskan lagi penafsiran beliau, Tuan Guru menggunakan contoh kiasan dengan menyebutkan:

Kalau hendak naik bas, kita kena duduk di stesennya kerana stesen itu tapak untuk bas itu berhenti. Kalau tidak duduk di stesennya dan kita *sekat* (tahan) bas di tengah jalan, ia tidak akan berhenti. Kita naik kereta api atau kapal terbang pun, ada stesennya. Jadi, berkehendak kepada hidayah Tuhan juga kena ada stesennya. Kalau kita hendak hidayah Tuhan tetapi stesen tempat untuk hidayah itu turun iaitu *khoshyatullah* (gerun kepada Allah) tidak ada, maka sampai bila-bila pun kita tidak akan reti untuk takut kepada neraka dan tidak reti berkehendak kepada syurga. Kerana tumpuan kita tidak tertumpu kepada akhirat sebaliknya hanya tertumpu seratus peratus kepada dunia sahaja.³¹

Budak kecil yang berumur dua tahun, dia tidak gerun kepada harimau. Tengok gambar harimau di atas kertas atau harimau dalam kandang pun, dia tidak takut. Kerana apa? Kerana dia budak kecil. Apa yang dia reti tentang harimau? Tetapi kepada orang yang sudah biasa tengok harimau menggonggong lembu atau makan kambing serta biasa tengok harimau terkam orang hingga berparut muka. Apabila tengok gambar harimau di atas kertas pun, dia sudah rasa takut. Kerana apa? Kerana dia reti *ma huwa al-asad*³², apakah bendanya harimau itu.³³

Jadi, sebagaimana orang yang ada pengalaman dengan harimau menyebabkannya mudah takut. Sebut nama harimau pun sudah menjadi gerun. Begitu juga budak kecil yang tidak reti apakah bendanya harimau menyebabkannya seronok tengok harimau yang berbelang-belang. Maka, kita dengan Tuhan pun begitu juga. Orang yang tidak reti Allah ini siapa, dia tidak takut! Tuhan sebut perihal neraka dan seksaan dibakar dengan api neraka pun, dia tetap senyap tidak kata apa-apa; tidur *jenero* (lena). Tetapi kepada orang yang

²⁹Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 112.

³⁰Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 114.

³¹Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 113.

³²Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat tersilap menyebut *Al-Asadu*. Sepatutnya harimau dalam bahasa Arab disebut *Al-Namiru*.

³³Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 114.

reti Allah itu siapa, dia sebut nama Allah di dalam hati pun menyebabkannya menangis.³⁴

7. Tafsir Surah Al-A`lâ 9-19 (Q.S. Al-A`lâ : 16)

بَلْ تُؤْتِرُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا

“Sedangkan kamu (orang-orang kafir) memilih kehidupan dunia,”

Tafsir Ayat dan Penjelasan Makna

Penafsiran Tuan Guru pada ayat ini:

Katalah apa pun tetapi titik dan *point* yang utamanya satu sahaja penyakitnya. Penyakit yang satu ini akan menyebabkan merebak habis segala kuman. Penyakit apa? Penyakit *itharu al-Dunya* yaitu mengutamakan dunia.

Berkehendak kepada duit, pangkat, pujian dan publisiti menerusi surat khabar. Semuanya ini benda-benda yang orang panggil untuk ‘*make lor*’ (hasil segera). Ini perihal dunia yang *ambo* sebutkan tadi. Kita cepat sangat fikir kepada benda yang ada manfaat segera. Sebaliknya akhirat tidak terfikir pun di dalam kepala kita. Inilah punca segala-gala masalah di atas dunia ini sama ada masalah dadah, rasuah, zina, rogol atau apa sahaja pun. Tuhan kata segalanya berpunca daripada ini.³⁵

Untuk memudahkan pemahaman, Tuan Guru memberikan satu contoh kiasan, seperti berikut:

Contohnya, kita ada kereta. Kereta ini digunakan untuk memudahkan pergerakan kita ke sana sini. Orang yang bergerak di atas dunia ini ramai. Tetapi apabila kita bawa kereta dengan cara tidak ingat kepada kereta lain yang juga ada di atas jalan raya ini, maka akan timbul masalah. Berasa hendak ke kanan, kita ke kanan, Berasa hendak *parking*, kita *parking*. Berasa hendak *u-turn*, kita pusing *u-turn*. Kita tidak ingat kepada orang lain. Itu yang menjadi masalah; berlaga di sana dan *accident* (kemalangan) di sini terjun parit. Kerana apa? Kerana kita hendak cepat.³⁶

Bila ditanya, “Kenapa bawa laju?” Dia jawab, “Kerana ada kerja.” Orang lain tidak ada kerjakah? *Demo* langgar lampu merah kerana ada kerja. Habis tu *kawe*? *Kawe* pun ada kerja juga tetapi *demo* langgar kereta *kawe* ini kenapa? Kerana ada kerja, hendak pergi ke situ. *Kawe* pun hendak pergi ke situ juga!³⁷

³⁴Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 115.

³⁵Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 137.

³⁶Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 138.

³⁷Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 138.

Cuba ingat kepada orang lain juga, barulah hidup kita ini *liney* (tenang). Tetapi oleh sebab kita hanya tertumpu kepada kepentingan diri. Orang yang berzina contohnya, dia ini pentingkan diri. Hendak beristeri malas. Takut dapat anak dan sebagainya. Jadi dia berzina, senang!³⁸

8. Mukaddimah Surah Al-Thâriq

Di mukaddimah surah ini, Tuan Guru menekan tentang kepentingan Al-Qur'an. Katanya:

Zaman sekarang ialah zaman orang menghafal Al-Qur'an. Anak kita hafal Al-Qur'an tetapi *che'* (emak) pula, Surah al-Kafirun pun tidak berapa ingat. Ini orang panggil, tidak mengikut arus semasa. Kesimpulannya, kita kena ingatlah. Bermula daripada Surah al-Naba' sampai Surah al-Nas, setiap orang mesti berusaha untuk menghafalnya. Dengan itu kita akan mendapat pahala, keberkatan dan ibarat ada 'lampu picit'.³⁹

Penjelasan Makna

Dengan mukaddimah di atas, Tuan Guru memberi kiasan, yaitu:

Al-Qur'an ini ibarat lampu picit. Lampu picit di rumah kita itu sangat berguna ketika gelap untuk suluh tikus, orang dan sebagainya. Lampu picit begitu berguna! Maka keseluruhan Al-Qur'an ini merupakan lampu picit untuk suluh dosa, pahala, ketaatan, kemaksiatan, syurga mahupun neraka. Suluhan Al-Qur'an ataupun Nur Al-Qur'an inilah yang menjadikan kita benar-benar Muslim dan Mukmin, *insya-Allah*.⁴⁰

9. Tafsir Surah Al-Thâriq 11-17 (Q.S. Al-Thâriq: 13)

إِنَّهُ لَقَوْلُ فَصْلٍ مَّوَلَا

“*sureh, (Al-Qur'an) itu benar-benar firman pemisah (antara yang hak dan yang batil),*”

Tafsir Ayat dan Penjelasan Makna

Ayat ini ditafsirkan oleh Tuan Guru seperti berikut:

³⁸Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 138.

³⁹Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 152.

⁴⁰Tim Penyusun Tafsir Tuan Guru, *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat*, 152.

Ajaran agama yang kita panggil Al-Qur'an ini merupakan; *laqowlun fasl* 'kata-kata pemutus. Kalau Aku kata halal, maka halallah. Tidak ada orang yang boleh kata haram. Kalau Aku kata haram, maka haramlah. Tidak boleh kata halal. Orang yang kata halal juga, itu ialah orang yang tidak pandai dan berlagak diri dia serupa Tuhan seperti Aku juga!'⁴¹

Adapun untuk penjelasan bagi penafsiran ayat di atas, Tuan Guru mengelaborasi dengan bentuk kiasan di pertengahannya. Kata Tuan Guru:

